

U B616 AAB
PILIHAN RAYA - MANIFESTO

KUALA LUMPUR, 4 OKT (BERNAMA) -- MANIFESTO BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA UMUM INI AKAN MENUMPUKAN KEPADA USAHA MENGEKALKAN KESTABILAN SERTA MENINGKATKAN TARAF HIDUP RAKYAT DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, YANG JUGA PENERUSI BN, HARI INI BERKATA MANIFESTO ITU BERTEMAKAN +KE ARAH KEAMANAN, KESTABILAN DAN KEMAKMURAN+.

KATANYA, MANIFESTO ITU TERBAHAGI KEPADA BEBERAPA BAHAGIAN YANG ANTARANYA MENYENTUH SOAL POLITIK, DEMOKRASI, KESELAMATAN, KEMAJUAN EKONOMI, PENDIDIKAN, PEKERJAAN, SOSIAL, KEWANGAN DAN PERTANIAN.

+KITA INGIN MENGEKALKAN KESTABILAN NEGARA. KITA JUGA INGIN MENINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN DI NEGARA KITA MALAYSIA,+ KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR MENGENAI PEMBUBARAN PARLIMEN SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BN DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

KATANYA, KESEMUA PARTI KOMPONEN BN AKAN MENGGUNAKAN MANIFESTO YANG SAMA. -- LAGI
1956MST 04 10 90

U B617 AAB
PILIHAN RAYA - MANIFESTO 2 KUALA LUMPUR

MANIFESTO ITU AKAN DICETAK SECEPAT MUNGKIN UNTUK DIEDARKAN, KATA BELIAU.

MENGENAI RAPAT UMUM, PERDANA MENTERI BERKATA PERKARA ITU TERPULANG KEPADA POLIS UNTUK MENENTUKANNYA.

BAGAIMANAPUN, DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI, BERPENDAPAT POLIS TIDAK AKAN BERSETUJU MENARIK BALIK LARANGAN BAGI MENGADAKAN RAPAT UMUM PADA PILIHAN RAYA UMUM KALI INI.

BELIAU YAKIN POLIS AKAN MENGADAKAN PERATURAN TERTENTU UNTUK MEMASTIKAN PERKARA YANG TIDAK DIINGINI TIDAK BERLAKU SEMASA KEMPEN PILIHAN RAYA.

KEPADA SOALAN MENGENAI CADANGAN MENJEMPUT KUMPULAN PEMERHATI KOMANWEL, BELIAU BERKATA URUSETIA KOMANWEL TELAH MENULIS SURAT KEPADA PARTI-PARTI POLITIK DI NEGARA INI UNTUK MENDAPATKAN PERSETUJUAN BERHUBUNGAN CADANGAN TERSEBUT. -- LAGI
1957MST 04 10 90

U B618 AAB
PILIHAN RAYA - MANIFESTO 3 KUALA LUMPUR

BN TELAH PUN MENYATAKAN PERSETUJUANNYA, KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA BELIAU TIDAK TAHU SAMA ADA PARTI-PARTI LAIN TELAH PUN MENERIMA ATAU MENYATAKAN PERSETUJUAN MEREKA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN TELAH MEMAKLUMKAN KEPADA SETIAUSAHA AGUNG KOMANWEL CHIEF EMEKA ANYOUKU BAHAWA TEMPOH PILIHAN RAYA UMUM DI MALAYSIA TIDAK MENGAMBIL MASA YANG LAMA IAITU KIRA-KIRA DUA MINGGU SAHAJA.

BERDASARKAN KEADAAN ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERHARAP URUSETIA KOMANWEL DAPAT MEMBUAT PERSEDIAAN TERTENTU UNTUK MENGAWASI PILIHAN RAYA DI NEGARA INI. -- BERNAMA
1958MST 04 10 90